

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)

PENDIDIKAN MORAL

TAHUN 3

SEKOLAH KEBANGSAAN

PENULIS

KUGAN A/L RAVENDRAN
MOHD FU'AD BIN SAM
M PUSPANATHAN A/L MAYAN

EDITOR

MD SHUKURI BIN HAMZAH

PEREKA BENTUK

NOOR HAYATI BINTI MD HASSAN

ILUSTRATOR

ABDUL AJIS BIN SAIDIN



DBP

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR
2018



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0012

KK 370-221-0102011-49-2052-20101
ISBN 978-983-49-2052-4

Cetakan Pertama 2018
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018.

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dunia Ilmu Tjjarah Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Taip Teks: 16 poin

Dicetak Oleh:
Percetakan Selaseh Sdn. Bhd.,
No. 30 & 32, Jalan Selaseh Indah,
Taman Selaseh Fasa I,
68100 Batu Caves, Selangor.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara, Johor Bahru.
- Sekolah Kebangsaan (2) Taman Selayang, Selangor.
- Sekolah Kebangsaan Sendayan, Seremban.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sarawak.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

KANDUNGAN

**UNIT
1**

TAJUK: PERAYAAN WARGA SEKOLAH

Nilai: **Kepercayaan kepada Tuhan**

1

**UNIT
2**

TAJUK: BAIK HATI NILAI MULIA

Nilai: **Baik Hati**

9

**UNIT
3**

TAJUK: MURID BERTANGGUNGJAWAB

Nilai: **Bertanggungjawab**

17

**UNIT
4**

**TAJUK: BERTERIMA KASIH AMALAN
MULIA**

Nilai: **Berterima Kasih**

25

**UNIT
5**

**TAJUK: BERADAB SOPAN PEKERTI
TERPUJI**

Nilai: **Hemah Tinggi**

33

**UNIT
6**

**TAJUK: HORMATI SEMUA AMALAN
KAMI**

Nilai: **Hormat**

41

**UNIT
7**

TAJUK: SEKOLAH KEBANGGAANKU

Nilai: **Kasih Sayang**

49

**UNIT
8**

**TAJUK: SIKAP ADIL SEKOLAH
SEJAHTERA**

Nilai: **Keadilan**

57

**UNIT
9**

**TAJUK: HADAPI CABARAN DEMI
SEKOLAH**

Nilai: **Keberanian**

65

**UNIT
10**

**TAJUK: JUJUR AMALAN WARGA
SEKOLAH**

Nilai: **Kejujuran**

73

**UNIT
11**

TAJUK: RAJIN TANGGA KEJAYAAN

Nilai: **Kerajinan**

81

**UNIT
12**

TAJUK: KERJASAMA BUDAYA KAMI

Nilai: **Kerjasama**

89

**UNIT
13**

TAJUK: AMALAN HIDUP DI SEKOLAH

Nilai: **Kesederhanaan**

97

**UNIT
14**

**TAJUK: TOLERANSI SESAMA WARGA
SEKOLAH**

Nilai: **Toleransi**

105

PENDAHULUAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia memberi penekanan bahawa standard kurikulum pendidikan negara perlu setanding dengan standard antarabangsa. Sehubungan dengan itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) mula diperkenalkan pada tahun 2017. Seajar dengan perubahan ini, buku teks *Pendidikan Moral Sekolah Kebangsaan Tahun 3* diterbitkan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Moral yang terkini.

Buku teks *Pendidikan Moral Tahun 3 SK* yang bertemakan “Saya dan Sekolah” merangkumi 14 nilai, iaitu kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan dan toleransi. Semua nilai berkenaan diaplikasikan melalui tiga domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Selain itu, Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) diterjemahkan dalam bentuk yang mudah agar Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) berfungsi mengikut tema yang ditetapkan.

Buku ini juga merangkumi penerapan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang membantu murid mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta bagi merangsang pemikiran dalam pelbagai domain moral. Penerapan KBAT juga membantu murid menguasai kemahiran yang diperlukan bagi mengharungi cabaran abad ke-21. Sehubungan dengan itu, pelbagai aktiviti pembelajaran abad ke-21 seperti *Round Table*, *Gallery Walk*, *Think-Pair-Share*, dan *Hot Seat* difokuskan dalam buku teks ini bagi mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, elemen kreativiti dan inovasi, keusahawanan serta teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), patriotisme dan kelestarian alam sekitar diterapkan dalam aktiviti bagi mengukuhkan lagi kemahiran dan keterampilan seseorang murid. *Theory of Constraints* (TOC) juga diterapkan dalam beberapa aktiviti terpilih bagi membantu murid mengenali pembelajaran moral dalam bentuk penyelesaian masalah mengikut keutamaan.

Buku teks ini juga menyediakan pentaksiran yang berbentuk formatif dan sumatif bagi membantu murid mengukuhkan lagi penguasaan mereka.

Bagi membantu murid mengikuti perkembangan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran secara berperingkat, setiap unit disusun mengikut komponen yang berikut:



KONSEP

Komponen ini menerangkan konsep nilai dalam DSKP yang menjadi fokus sesuatu unit. Komponen ini bertujuan untuk membantu murid memahami nilai secara berkesan melalui aktiviti yang dirancang.



PENGUKUHAN

Komponen ini bertujuan untuk menambahkan pemahaman dan pemikiran murid tentang nilai yang dipelajari melalui aktiviti yang dirancang.



PEMULIHAN

Komponen ini membantu murid meningkatkan pemahaman mereka dalam menguasai dan mengaplikasikan standard pembelajaran melalui aktiviti yang lebih mudah.



PENGAYAAN

Komponen ini menyediakan aktiviti yang lebih mencabar pemikiran murid supaya potensi murid dapat dikembangkan agar mereka dapat mengaplikasi dan bertindak mengikut nilai moral.



PENILAIAN

Komponen ini menyediakan pelbagai aktiviti penilaian bagi mengukur tahap penguasaan murid dalam sesuatu nilai.



STANDARD PEMBELAJARAN

Komponen ini memberikan panduan kepada guru untuk membimbing murid mencapai Standard Pembelajaran yang ditetapkan dalam DSKP.



NOTA GURU

Komponen ini bertujuan untuk menerangkan cadangan PdPc dan idea tambahan bagi membantu guru melaksanakan aktiviti yang dirancang.



KBAT

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.



IMBAS SAYA

KOD QR

Maklumat tambahan yang boleh diakses melalui alat peranti.

Pendidikan Moral bertujuan untuk mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral dan berakhlak mulia melalui perlakuan yang baik dan berkesan. Penulis berharap buku teks ini bukan sahaja memberi manfaat dari segi pemikiran serta perlakuan yang rasional malah menjadi panduan untuk mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Akhir kata, penerbitan buku ini diharap dapat menjadi tunjang utama untuk membangunkan modal insan yang cemerlang ke arah negara yang maju dalam arena global.



PERAYAAN WARGA SEKOLAH

Fahami gambar dan ceritakan.



Hari Raya Aidilfitri



Hari Krismas



Hari Deepavali



Hari Wesak

- Nyatakan perayaan lain yang disambut oleh warga sekolah.
- Jelaskan perasaan kamu apabila dapat meraikan perayaan bersama-sama rakan.



NOTA GURU

Minta murid menjelaskan amalan perayaan keagamaan atau kepercayaan masing-masing.



Mari Meraikan Perayaan Bersama-sama

Fahami situasi.

Sekolah Kebangsaan Mulia mengadakan pameran perayaan keagamaan.

JIS PAI

Bah Goli, apakah sambutan perayaan kamu?



Saya menyambut perayaan tahun baharu iaitu "Jis Pai" atau Tahut Pai.

MAULIDUR RASUL



Maulidur Rasul disambut untuk memperingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad SAW.

Amin, mengapakah kamu menyambut perayaan Maulidur Rasul?

HARI GAWAI



Reeta, apakah nama nasi ini?

PERAYAAN PONGGAL

Kim, nasi ini dipanggil *ponggal* yang dimasak semasa perayaan *Ponggal*.

Nuing, bagaimanakah kamu meraikan Hari Gawai?

Kami akan memakai baju baharu dan menyaksikan tarian Ngajat.

- Nyatakan amalan perayaan lain yang disambut oleh warga sekolah.
- Bincangkan kepentingan kamu menghormati perayaan yang diraikan oleh warga sekolah.

1.1
1.2
1.3
1.5

NOTA GURU

► Minta murid melakonkan situasi yang diberikan.



Kolam Berwarna-warni

Mari hasilkan *kolam*.




Alatan dan bahan

Beras beraneka warna,
pensel dan kertas lukisan.



1



Lukiskan corak.

2



Taburkan beras beraneka warna.

INFO:

Kolam dibuat daripada beras dan boleh dijadikan makanan untuk burung dan serangga.

3



Kemaskan taburan beras.

4



Kolam yang telah siap.

- Nyatakan perasaan kamu setelah menghasilkan *kolam*.
- Bincangkan amalan perayaan lain yang diamalkan oleh warga sekolah.

NOTA GURU

- Bimbing murid membuat *kolam* dalam kumpulan.
- Sediakan beras beraneka warna.



Permainan Kenali Perayaan

Mari bermain.

Cara bermain:

1. Murid membentuk dua kumpulan.
2. Ketua kumpulan mengambil bola yang mengandungi kad soalan dan membaca soalan.
3. Ahli kumpulan perlu menjawab soalan dan mendapat dua markah jika jawapan betul.
4. Jika jawapan salah, kumpulan lain boleh menjawab soalan dan mendapat satu markah.
5. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi dianggap pemenang.

Kad Soalan 1


Apakah amalan semasa perayaan Pesta Kaamatan?

Kad Soalan 2

Apakah perasaan kamu apabila menyambut perayaan bersama-sama rakan di sekolah?

Apakah perayaan yang mengamalkan pemberian buah limau dan angpau?

Perayaan Tahun Baharu Cina.



NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Sediakan kad soalan tambahan jika perlu.



Hormati Amalan Perayaan Warga Sekolah

Fahami dan lengkapkan jadual.



Selamat pagi, mak cik. Mengapakah makanan hari ini tidak banyak?

Murid-murid beragama Islam sudah mula berpuasa, Kim Wee.

Kim Wee, kita patut menghormati amalan rakan-rakan kita dengan tidak makan di hadapan mereka.

Kepentingan menghormati amalan perayaan rakan

Mengeratkan hubungan.

Bincangkan perasaan kamu apabila dapat menghormati amalan perayaan rakan kamu.

1.2
1.3
1.4



Amalan Perayaan Warga Sekolah

Baca dan lengkapkan peta dakap.

Jagdave dan rakan-rakannya ialah murid Tahun 3 Cemerlang. Mereka telah menyediakan kad ucapan perayaan dan menghasilkan peta dakap serta mempamerkannya melalui aktiviti *Gallery Walk*.



Amalan perayaan warga sekolah

1



Bermaaf-maafan

2



Mandi minyak

3



Menziarahi saudara-mara

Ceritakan pengalaman kamu meraikan perayaan bersama-sama warga sekolah.



NOTA GURU

Bimbing murid melengkapkan peta dakap dalam kumpulan.



Pilih dan tulis jawapan yang betul.

gembira

kad ucapan

angpau

mengeratkan

menghormati

1. Ah Seng mendapat _____ daripada guru semasa menghadiri rumah terbuka Tahun Baharu Cina.



2. Mathan minum di luar kelas sebagai tanda _____ rakan-rakan beragama Islam yang sedang berpuasa.



3. David berasa _____ apabila rakan-rakan sekelas mengunjunginya semasa Hari Krismas.



4. Murid-murid Tahun 3 Amal menghias kelas dengan _____ dan mengadakan jamuan sempena perayaan Hari Deepavali.



5. Junman melayan rakan-rakan semasa Pesta Kaamatan bagi _____ hubungan sesama warga sekolah.



UNIT 2

BAIK HATI NILAI MULIA

Fahami sajak di bawah.



Sekolahku

Sekolahku

Di sini guru terapkan nilai

Di sini belajar erti baik hati

Membantu rakan yang memerlukan

Tidak kira wang, tenaga dan sokongan.



Sekolahku

Di sini guru dijadikan teladan

Di sini belajar erti ikhlas

Membantu tanpa mengharapkan balasan

Agar hidup tenang dan bahagia.



Sekolahku

Di sini insan mulia dilahirkan

Di sini belajar erti murah hati

Menderma mengurangkan derita

Hidup tenteram dan ceria sentiasa.

- Nyatakan contoh sikap baik hati berdasarkan sajak di atas.
- Apakah kepentingan sikap baik hati terhadap warga sekolah?



NOTA GURU

- Bimbing murid mendeklamasikan sajak.
- Bimbing murid menceritakan sikap baik hati yang pernah diamalkan mereka terhadap warga sekolah.



Bantu-membantu Meringankan Beban

Fahami cerita bersiri.



Rumah peniaga kantin terbakar.



Guru besar membuat pengumuman semasa perhimpunan sekolah.



Ketua murid mengumpulkan wang sumbangan daripada warga sekolah.



4

Murid-murid mengumpulkan sumbangan daripada warga sekolah.



5


Warga sekolah membantu membersihkan dan membaik pulih rumah peniaga kantin.



6

Peniaga kantin berasa terharu dan warga sekolah berasa gembira.

- Nyatakan cara kamu membantu warga sekolah.
- Terangkan kepentingan membantu warga sekolah.
- Nyatakan perasaan kamu setelah dapat membantu warga sekolah.



NOTA GURU

Bimbing murid menyenaraikan jenis bantuan yang boleh diberikan kepada warga sekolah.

PEMULIHAN



Mari Membantu Freeda

Gunting dan tampal pilihan jawapan yang betul.



Kamu ternampak Freeda sedang sakit perut di dalam kelas. Bagaimanakah kamu patut membantu Freeda?

Laporkan kepada pengawas sekolah.

Laporkan kepada guru kelas.


Laporkan kepada guru Pendidikan Kesihatan.

Hubungi ibu bapa Freeda.

Beri Freeda ubat.

Bawa Freeda ke tandas.

Saya patut:



NOTA GURU

- Perbanyak halaman ini.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.



Membantu Amalan Mulia

Suaikan situasi dengan tindakan baik hati dan laksanakan.

Situasi

Tindakan




Guru membawa barang yang banyak.

bantu memungut



Gelas plastik terjatuh di lantai kantin.

bantu mengangkat beg sekolah




Murid terjatuh daripada basikal.

bantu mengangkat barang

► Nyatakan cara lain kamu membantu warga sekolah.

NOTA GURU

- Bimbing murid main peranan situasi yang diberikan.
- Perbanyak halaman ini.





Permainan Ekspedisi ke Puncak Gunung

Mari bermain.

Cara bermain:

1. Permainan dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan satu kad jawapan.
3. Lontarkan dadu untuk memulakan permainan.
4. Kumpulan yang berhenti pada setiap stesen diminta menulis cara, kepentingan dan perasaan pada kad jawapan.
5. Kumpulan yang memberikan jawapan yang betul dengan banyak dianggap pemenang.

Alatan:

1. Buah dadu bernombor 1, 2 dan 3.
2. Penanda



Kad Jawapan

Stesen	Cara	Kepentingan	Perasaan
A3	Meminjamkan wang	Rakan dapat makan di kantin	Gembira
B6			
C9			
D12			
E15			



Stesen A3

Rakan kamu kehilangan wang saku.

Apakah tindakan kamu?

Stesen B6

Guru sedang mengemaskan peralatan sukan di padang.

Apakah tindakan kamu?

Stesen C9

Rakan kamu berasa sedih kerana tidak berjaya menjadi juara dalam pertandingan robotik.

Apakah tindakan kamu?

Stesen D12


Ketua murid mengedarkan tabung mangsa banjir.

Apakah tindakan kamu?

Stesen E15

Rakan kamu demam.

Apakah tindakan kamu?



NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti.
- Sediakan kad jawapan bagi setiap kumpulan.
- Bimbing murid mengenal pasti jenis bantuan yang boleh diberikan.



A. Bulatkan jawapan yang betul.

1. Rakan kamu bersedih kerana ayahnya mengalami kemalangan. Apakah tindakan baik hati kamu?



- A. gembira
- B. tidak peduli
- C. memberikan bantuan

2. Apakah perasaan kamu jika dapat membantu rakan?


- A. marah
- B. dukacita
- C. gembira

3. Choo gemar membantu rakannya tanpa mengharapkan balasan. Dia seorang yang _____.

- A. ikhlas
- B. tamak
- C. amanah



B. Lengkapkan.



UNIT 3



MURID BERTANGGUNGJAWAB


KONSEP



Teliti gambar.

Mari kita mengemas kelas.

Baiklah, Didi.



- Mengapakah kamu patut melaksanakan tanggungjawab di sekolah?
- Jelaskan perasaan kamu setelah melaksanakan tanggungjawab di sekolah.
- Ceritakan pengalaman kamu melaksanakan tanggungjawab di sekolah.

NOTA GURU


3.1
3.2
3.3
3.4
3.5

- Bimbing murid menyenaraikan tanggungjawab di sekolah.
- Bimbing murid menyenaraikan cara melaksanakan tanggungjawab di sekolah.



Tanggungjawab di Sekolah

Fahami gambar.



Pengawas Pusat Sumber

- * Menyusun buku di rak supaya kemas dan teratur.
- * Bertugas di kaunter sirkulasi (pinjaman dan pemulangan buku).

SEKOLAH KEBANGSAAN



Pengawas

- * Bertugas di kantin dan memastikan murid beratur semasa membeli makanan.
- * Memastikan murid memasukkan pinggan kotor ke dalam besen.

Ketua Kelas

- ✦ Memastikan suis ditutup sebelum keluar.
- ✦ Memastikan makmal komputer dikemaskan sebelum keluar.



SERI MURNI

Petugas Stor Sukan

- ✦ Menyusun peralatan sukan selepas menggunakannya.
- ✦ Membantu guru semasa hari sukan.



- Bincangkan tanggungjawab kamu sebagai warga sekolah.
- Huraikan kepentingan melaksanakan tanggungjawab lain di sekolah.

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk menyenaraikan tanggungjawab lain di sekolah.

3.1
3.2
3.3



Kami Bertanggungjawab

Mari bermain.

Cara bermain:

1. Murid membentuk satu bulatan.
2. Murid diberikan kotak tanggungjawab dan muzik akan dimainkan.
3. Apabila muzik dihentikan, murid yang memegang kotak tanggungjawab akan mengambil kad jawapan dan menampalnya pada jadual yang disediakan.
4. Murid akan diberikan pelekat bintang jika jawapan betul.
5. Jika jawapan salah, murid itu keluar daripada permainan.



Alatan dan bahan
Radio, kertas lukisan, kertas warna, gunting dan pelekat bintang.



Kad Jawapan

dihargai

keadaan kelas yang bersih

selesa

disukai oleh rakan dan guru

menepati masa


gembira

Jadual Tanggungjawab

Tanggungjawab	Kepentingan	Perasaan
Membersihkan kelas.		
Mematuhi peraturan sekolah.		
Memulangkan buku di pusat sumber.		

NOTA GURU

Bimbing murid menyatakan perasaan apabila dapat melaksanakan tanggungjawab di sekolah.





Amalan Tanggungjawab di Sekolah

Lengkapkan ayat dan bentangkan.

Semasa guru mengajar,



saya patut _____.

Semasa di kantin,



saya patut _____.

Amalan tanggungjawab di sekolah

Selepas mendapat buku teks,



saya patut _____.

Sebelum memulakan pembelajaran,



saya patut _____.



NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti dalam kumpulan.
- Minta murid membentangkan hasil kerja kumpulan.



Tanggungjawab Bersama

Bincang dan bentangkan.


Cara menjalankan aktiviti:

1. Ketua kumpulan mengambil sampul daripada guru.
2. Murid-murid berbincang dalam kumpulan.
3. Tulis jawapan pada kertas sebak.
4. Bentangkan.
5. Kumpulan lain memberikan idea tambahan selepas pembentangan.

- ◆ Nyatakan tanggungjawab ketua kelas.
- ◆ Senaraikan kepentingan setiap tugas bagi seorang ketua kelas.

- ◆ Nyatakan tanggungjawab pengawas pusat sumber.
- ◆ Senaraikan kepentingan setiap tugas bagi seorang pengawas pusat sumber

Tanggungjawab



NOTA GURU

Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Round Table*).



Projek Sudut Pendidikan Moral

Fahami dan lengkapkan jadual.

Selamat pagi, murid-murid. Minggu depan kita akan mengadakan Projek Sudut Pendidikan Moral. Kamu perlu mengagihkan tugas mengikut kumpulan dan menyenaraikan tanggungjawab kamu.

Baiklah, cikgu.



Murid-murid Tahun 3 Amal telah membentuk kumpulan dan menyediakan jadual tanggungjawab untuk melaksanakan Projek Sudut Pendidikan Moral.

Ketua kumpulan	Ahli kumpulan	Tanggungjawab	Alatan dan bahan
Divya	Niana Jagdave Rizo	Kemas kini papan kenyataan.	Kertas warna, gunting, bahan maklumat, reben dan bunga.
Ramjit Singh			
Chee Ming			
Reyno			

➤ Bagaimanakah sikap bertanggungjawab dapat menjayakan projek itu?

NOTA GURU

Bimbing murid menyatakan kepentingan melaksanakan tanggungjawab di sekolah.





A. Lengkapkan jadual.

Bil.	Tindakan	Bertanggungjawab atau tidak bertanggungjawab
1.	Memasukkan pinggan ke dalam besen yang disediakan selepas makan.	
2.	Memulangkan semula buku yang telah dipinjam.	
3.	Lewat menyiapkan kerja sekolah yang diberikan.	

B. Pilih dan tulis jawapan yang betul.

- Barvin sentiasa _____ tanggungjawab membersihkan kelas.
A. membiarkan B. melaksanakan C. mengabaikan
- Amran _____ buku di sudut bacaan.
A. menyusun B. menyelerakkan C. mengoyak
- Keadaan kelas Tahun 3 Adil kelihatan _____ kerana murid-murid sentiasa membersihkan kelas tersebut.
A. kotor B. bersih dan ceria C. berselerak
- Kavin sentiasa _____ semasa menyanyikan lagu *Negaraku*.
A. berdiri tegak B. bercakap C. bergerak
- Chew Lin datang _____ ke sekolah setiap hari.
A. lewat B. awal C. lambat

UNIT 4

BERTERIMA KASIH AMALAN MULIA

Fahami situasi.



Terima kasih, mak cik kerana membersihkan tandas. Saya akan menggunakannya dengan baik.

Saya bersyukur kerana rakan saya menang.



Sama-sama.

Selamat Hari Pekerja, pak cik.


Amalan berterima kasih dapat mengeratkan hubungan sesama warga sekolah.



Terima kasih, Wilson. Pak cik berasa amat dihargai.



- Berdasarkan situasi, nyatakan cara berterima kasih kepada warga sekolah.
- Mengapakah kita perlu berterima kasih kepada warga sekolah?
- Apakah perasaan kamu apabila dapat berterima kasih kepada warga sekolah?



NOTA GURU

Bimbing murid menyatakan kesan sekiranya amalan berterima kasih tidak diamalkan kepada warga sekolah.



Hargai Jasa Warga Sekolah

Baca dan fahami teks ucapan.

Sekolah Kebangsaan Jalan Pantai menjadi johan dalam Pertandingan Bicara Berirama peringkat daerah. Ketua pasukan, David menyampaikan ucapan semasa perhimpunan sekolah.

Selamat pagi. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru pembimbing kami, Cikgu Maria. Kami ingin menyampaikan sejambak bunga kepada beliau sebagai tanda terima kasih. Terima kasih juga kepada warga sekolah atas dorongan yang diberikan. Sekian, terima kasih.



- Mengapakah David berterima kasih terhadap semua warga sekolah?
- Apakah yang akan berlaku jika kamu tidak mengamalkan sikap berterima kasih?

NOTA GURU

Bimbing murid memahami situasi dan menjawab soalan.




Berterima Kasih Jadikan Budaya

Baca dan fahami.

Pak cik sudah baiki kipas ini.

SUDUT PENDIDIKAN MORAL



Zaimi mengucapkan terima kasih kepada pekerja sekolah yang membaiki kipas kelasnya.

Kepentingan:
Mengeratkan hubungan.

Ying Ling, ambillah roti ini.





Ying Ling bersyukur kerana mempunyai seorang kawan yang sentiasa menolongnya.

Kepentingan:
Disenangi oleh rakan.



Amalan berterima kasih dapat mengeratkan hubungan warga sekolah. Bincangkan cara dan kepentingannya.

NOTA GURU

-  Bimbing murid melakonkan situasi di atas.
-  Galakkan murid mengucapkan terima kasih terhadap warga sekolah dalam kehidupan seharian.



PEMULIHAN




Cenderamata Penghargaan

Kamu ingin memberikan cenderamata penghargaan kepada pekerja sekolah. Mari hasilkan cenderamata tersebut.

Alatan dan bahan

Komputer, pencetak, reben, gam, gunting, kayu penyepit, kertas warna dan pelekat hiasan.




1

Taip ucapan terima kasih dan cetak.



2

Gunting dan tampal.



3

Lekatkan kayu penyepit. Hiaskan. Ikat reben.



4



5

Cenderamata penghargaan yang telah siap.

NOTA GURU

- Bimbing murid menghasilkan cenderamata penghargaan ini mengikut kreativiti masing-masing.
- Jaga keselamatan murid semasa melakukan aktiviti ini.
- Minta murid memberikan cenderamata penghargaan kepada warga sekolah yang dipilih sebagai tanda berterima kasih.





Jasamu Dikenang

Mari bernyanyi dan lengkapkan gambar.

Jasa Guru Kami Hargai





Terima kasih, guru-guru,
Kami ucapkan selalu,
Ajar kami setiap masa,
Kami rela balas jasa,
Bimbing kami mahir ilmu,
Didik kami tanpa jemu,
Jasa guru kami hargai,
Berasa bangga dalam hati.



IMBAS SAYA



NOTA GURU

-  Bimbing murid menyanyikan lagu mengikut rentak lagu *Bapaku Pulang dari Kota*.
-  Bimbing murid melekatkan gambar pada ruang yang disediakan.
-  Jaga keselamatan murid semasa melakukan aktiviti ini.
-  Perbanyak halaman ini.






Permainan Riang Warna

Mari bermain.

Cara bermain:

1. Murid membentuk dua kumpulan.
2. Wakil kumpulan akan membacakan soalan untuk kumpulan lain.
3. Jika jawapan betul, lekatkan pekat warna hijau dan jika salah, lekatkan pekat warna merah pada Carta Riang.
4. Kumpulan yang berjaya memperoleh lebih banyak pekat berwarna hijau dianggap pemenang.

Alatan dan bahan
Carta Riang, pekat warna hijau dan merah.



Mengapakah kamu perlu berterima kasih kepada pekerja sekolah?



Apakah perasaan kamu apabila dapat menunjukkan sikap berterima kasih kepada pekerja kantin?



Apakah yang akan berlaku jika Mei Fang mengabaikan amalan berterima kasih ?

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Sediakan Carta Riang mengikut kreativiti masing-masing.
- Sediakan situasi tambahan jika perlu.




Hargai Jasa Warga Sekolah

Cipta dialog dan main peranan.

Cara menjalankan aktiviti:

1. Murid membentuk kumpulan.
2. Fahami situasi yang diberikan.
3. Cipta dialog berterima kasih.
4. Jalankan aktiviti lakonan.

Situasi



Ranita tidak sihat. Aliza membawanya ke pejabat.
Kerani sekolah menolong Ranita menghubungi ayahnya.

Aliza : _____
Puan Julie : _____

- ▀ Bagaimanakah Ranita berterima kasih terhadap kerani sekolah?
- ▀ Mengapakah Ranita perlu berterima kasih terhadap kerani sekolah?

NOTA GURU

- ✏ Bimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Role play*) mengikut kreativiti masing-masing.
- ✏ Bimbing murid mencipta dialog.
- ✏ Sediakan situasi lain jika perlu.





A. Senaraikan.

Cara berterima kasih terhadap warga sekolah

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____

Kepentingan amalan berterima kasih

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____

B. Warnakan gambar dan hasilkan dialog yang sesuai.



UNIT 5

BERADAB SOPAN PEKERTI TERPUJI

Fahami gambar di bawah.



Arun: Selamat pagi, cikgu.
Selamat pagi, puan.

Cikgu: Syabas, awak hadir
ke sekolah hari ini!

Arun: Terima kasih, cikgu.



Rusli: Selamat pagi, puan.

Kerani: Selamat pagi.

Rusli: Izinkan saya
berjumpa guru besar.

Kerani: Tolong tunggu sebentar.

Rusli: Baiklah, puan.
Terima kasih.

- Berikan kepentingan bersikap sopan terhadap warga sekolah.
- Apakah yang akan terjadi sekiranya kamu tidak bersikap sopan terhadap warga sekolah?



NOTA GURU

- Bimbing murid memahami gambar dan menjawab soalan.
- Bimbing murid memberikan contoh perlakuan sopan melalui dialog di atas.



Adab Sopan Setiap Masa

Fahami turutan gambar berikut dan jawab soalan.

Selamat pagi, encik. Terima kasih kerana membukakan pintu pagar.

7:35
pagi



Sama-sama.

10:35
pagi

Bolehkah saya duduk di sini?

Boleh, silakan.



Terima kasih, cikgu.
Selamat pulang, cikgu.

1:30
petang



Sama-sama.
Jumpa lagi esok.

Maafkan saya, cikgu. Saya datang lambat kerana bas sekolah rosak.

7:40 pagi



Baiklah, awak boleh duduk.

Tahniah kerana awak mendapat markah penuh!

9:45 pagi



Terima kasih.

- Ceritakan pengalaman kamu bersikap sopan terhadap warga sekolah.
- Mengapakah sikap hemah tinggi patut diamalkan oleh warga sekolah?

5.1
5.2
5.5

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti.
- Bimbing murid mengenal pasti perlakuan sopan melalui dialog di atas.




Origami Kucing yang Sopan

Mari hasilkan origami.


Alatan dan bahan
Kertas warna segi empat sama, lidi, pita pelekat dan pen penanda.




Temukan penjuru yang bertentangan.




Lipat penjuru bahagian atas.



Lipat pada penjuru kanan dan kiri.




Lukis muka kucing.



Tulis perlakuan sopan dan perasaan.



Lekatkan lidi pada bahagian belakang.



Origami kucing yang telah siap.

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti ini.
- Bimbing murid menyebut ayat, "Saya gembira kerana beradab sopan".
- Pamerkan hasil origami di Sudut Pendidikan Moral.





Kata-kata Sopan Mengeratkan Hubungan


Pilih dan tulis dialog yang sesuai berdasarkan situasi.

Selamat hari lahir, Lily.




Maafkan saya. Saya tidak sengaja.

Takziah saya ucapkan.

Apa khabar, Rajen?



NOTA GURU

-  Perbanyak halaman ini.
-  Bimbing murid menjalankan aktiviti ini.
-  Minta murid main peranan watak-watak di atas dengan menggunakan kata-kata yang sopan.





Murid yang Sopan

Bincang dan bentangkan.

Shalini ialah seorang murid yang bersopan. Dia mempunyai pekerti yang mulia, merendah diri dan bertutur dengan sopan.

Tahniah, Shalini!

Murid-murid, contohilah sikap sopan Shalini.



Cara menjalankan aktiviti.

1. Bentuk kumpulan dan lantik ketua kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan membincangkan amalan, kepentingan, perasaan dan kesan tidak berhemah tinggi dalam jadual.
3. Tuliskan hasil perbincangan pada kertas sebak dan tampalkan.
4. Ketua kumpulan ditugaskan untuk memberikan penerangan.
5. Ahli lain akan bergerak ke kumpulan lain untuk menyoal dan mendapatkan maklumat.

Amalan

Kepentingan

Perasaan

Kesan tidak berhemah tinggi

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Three Stray One Stay*).
- Galakkan murid mencari jawapan lain.
- Bimbing murid membentangkan hasil perbincangan.



Permainan Belon Sopan

Jalankan aktiviti.

Alatan dan bahan
Belon dan kad jawapan.



Cara menjalankan aktiviti:


1. Setiap kumpulan diberikan kad jawapan dan tiga belon yang mengandungi kertas soalan di dalamnya.
2. Wakil setiap kumpulan dikehendaki meniup belon pertama sehingga pecah dan menjawab soalan.
3. Ulangi untuk belon kedua dan ketiga.
4. Kumpulan yang berjaya melengkapkan kad jawapan dengan betul dianggap pemenang.



Nama Kumpulan		
Belon 1	Belon 2	Belon 3
Dua cara berhemah tinggi	Dua kepentingan berhemah tinggi	Dua kesan tidak berhemah tinggi

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan permainan.
- Guru boleh menyediakan soalan tambahan.





Uji Minda

Cari rangkai kata dan warnakan perkataan yang tersembunyi.

BERTANYA KHABAR

UCAP TAHNIAH

HEMAH TINGGI

ADAB SOPAN

PEKERTI MULIA

MINTA MAAF

BERTERIMA KASIH

MINTA IZIN

UCAP SALAM

UCAP TAKZIAH

B	E	R	T	E	R	I	M	A		K	A	S	I	H			
R	G	M	I	N	T	A		I	Z	I	N	F	U	T			
A	P	D	I	H	S	A	L	W	A	N	I	A	U	P			
B	E			E			R			U			C	F			
E	K			M			D			C			A	A			
R	E	U	C	A	P		S	A	L	A	M	E	P	R	A	K	
T	R	A	A	H	S	F	O	D	A	P	T	E		H			
A	T	D	B		T	U	K	A	A		I	Z	T	A			
N	I	R	A	T	U	A	L	B	N	T	R	A	A				
Y		I	M	I	N	T	A		M	A	A	F	H	N			
A	M	A	Z	N	E	S	A	S	A	K	L	A	N	F	M	U	
	U	N	A	G	G		T	O	C	Z	O	Y	I	A	I	C	
K	L	A	U	G	B	W	G	P	A	I	N	U	A	I	N	A	
H	I	D		I	H	A	W	A	L	A	G	N	H	S	T	P	
A	A	Z	A	Z	A	N	A	N	A	H	D	I		A	A	T	
B													S	I	H	S	A
A													A	Z	S	K	H
R	Y				N	T	A	F	I	Z	I	N				L	N

Fahami gambar.

Gloria murid tahun 3. Dia sentiasa menghormati warga sekolah dan pelawat. Sikap hormatnya mewujudkan suasana sekolah yang harmoni. Mari kita lihat cara Gloria menghormati warga sekolah dan pelawat.



Hari Kantin Sekolah



Program Sekolah Selamat

- Senaraikan warga sekolah dan pelawat.
- Nyatakan cara kamu menghormati warga sekolah dan pelawat.
- Mengapakah kamu perlu menghormati warga sekolah dan pelawat?

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami gambar.
- Minta murid menyatakan situasi lain yang membolehkan murid menghormati warga sekolah dan pelawat.





Hormat Eratkan Hubungan

Fahami cerita.

Ayah Bana pergi ke sekolah anaknya. Beliau mencari jalan ke pejabat sekolah. Dalam perjalanan, beliau terjumpa seorang murid tahun 3.

1

Selamat pagi. Di manakah pejabat sekolah?

Selamat pagi, encik. Sila ikut saya.

Terima kasih.

2

Selamat pagi, cikgu. Ada pelawat yang hendak berjumpa.

Selamat pagi. Baiklah, Annasi.



3

Selamat pagi, cikgu. Saya hendak menghantar botol air kepada anak saya Bana, Tahun 3 Arif.



Selamat pagi. Baiklah. Sila berikan kepada saya.


4

Terima kasih. Saya bangga dengan sikap kamu.



Sama-sama, encik. Saya juga gembira dapat membantu encik.

- Mengapakah Annasi perlu menghormati pelawat sekolah?
- Sekiranya kamu Annasi, apakah yang akan kamu lakukan jika berjumpa dengan pelawat di sekolah?



NOTA GURU

➤ Bimbing murid menjalankan aktiviti simulasi.

Sikap Hormat Sikap Mulia



Hai, kawan-kawan! Bantu saya sampai ke sekolah. Berdasarkan situasi, gunting dan tampal cara menghormati warga sekolah dan pelawat.



Memberikan sokongan kepada rakan.

Meminta izin untuk masuk ke bilik guru.

Mengucapkan terima kasih.

NOTA GURU

- Minta murid menyatakan warga sekolah dalam setiap situasi di atas.
- Perbanyak halaman ini.
- Jaga keselamatan murid semasa melakukan aktiviti ini.





Kenali Warga Sekolah

Lengkapkan maklumat di bawah.


Adakah anda mengenali mereka?


Pekerja sekolah

	Nama: _____
	Kepentingan menghormati: _____ _____




Guru kaunseling

	Nama : _____
	Kepentingan menghormati: _____ _____



Pelawat

	Nama : _____
	Kepentingan menghormati: _____ _____



Mewujudkan suasana yang harmoni dengan pelawat sekolah.

Mengeratkan hubungan dengan pekerja sekolah.

Hubungan dengan guru menjadi lebih mesra.

➡ Apakah perasaan kamu apabila dapat menghormati warga sekolah dan pelawat?

NOTA GURU

- Perbanyak halaman ini.
- Bimbing murid melengkapkan grafik.
- Galakkan murid mendapatkan gambar sebenar warga sekolah dan pelawat.





Hormat Semua Hati Gembira

Hayati situasi dan lakukan aktiviti.

Cara menjalankan aktiviti:


1. Murid membentuk pasangan.
2. Jawab soalan berdasarkan situasi.
3. Selepas 10 minit, kongsi jawapan dengan pasangan kamu.
4. Kongsi idea dengan semua rakan di dalam kelas.



Pengawal keselamatan membantu Anand melintas jalan.



Mary terjumpa dengan pegawai pejabat pendidikan.



Kah Ting dan Chandru bermain semasa guru mengajar.

➦ Wajarkah kamu menghormati warga sekolah dan pelawat?
Mengapa?

NOTA GURU

- ➦ Bimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Think-pair-share*).
- ➦ Hasilkan situasi yang lain jika perlu.



Hormati Kawan Sikap Terpuji

Lengkapkan borang di bawah berdasarkan pemerhatian terhadap seorang rakan.

Borang Kenal dan Hormat

Nama rakan: _____

Kelas: _____

Perlakuan	Ya atau Tidak
1. Adakah rakan kamu memberikan ucapan salam apabila bertemu dengan guru?	
2. Adakah rakan kamu memberikan perhatian semasa guru besar sedang berucap?	
3. Adakah rakan kamu menghormati pekerja sekolah?	
4. Adakah rakan kamu mengamalkan sikap saling menghormati antara rakan?	
5. Adakah rakan kamu menghormati ibu bapa yang datang ke sekolah?	
6. Adakah rakan kamu mendengar arahan guru?	
7. Adakah rakan kamu menghormati warga sekolah?	

Adakah kamu patut mencontohi sikap hormat rakan kamu?
Jelaskan.

- Kongsi hasil dapatan ini dengan rakan kamu.
- Ceritakan amalan kamu untuk mempertingkatkan sikap hormat terhadap warga sekolah.

(Nama)

NOTA GURU

- Bimbing murid melengkapkan borang Kenal dan Hormat mengikut kreativiti.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (pembentangan hasil sendiri).





Isi tempat kosong dan cari perkataan rahsia.

1	m				h			g		
2		a				n				
3			s			a				
				4		u		i		
		5	s				a			
6	e		a							

- Balan sentiasa _____ perbuatan rakannya yang mengamalkan sikap hormat.
- Warga sekolah yang saling menghormati akan mewujudkan suasana sekolah yang _____.
- Kelly memberikan layanan yang _____ kepada pelawat sekolah.
- Sikap menghormati warga sekolah merupakan amalan yang _____.
- Amnah mengucapkan _____ kepada warga sekolah apabila terjumpa.
- Hubungan murid dengan pekerja sekolah menjadi _____ apabila saling hormat.

PERKATAAN RAHSIA :

--	--	--	--	--	--

Fahami dan bincangkan.

Kita patut menyayangi sekolah dan warga sekolah.



Menyanyikan lagu sekolah dengan penuh semangat.



Meraikan hari lahir warga sekolah.



Mengharumkan nama sekolah.



Menceriakan sekolah.

- Bincangkan cara kamu menyayangi sekolah dan warga sekolah.
- Nyatakan kesan yang akan berlaku jika kamu tidak menyayangi sekolah dan warga sekolah.



NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyatakan kepentingan menyayangi sekolah dan warga sekolah.



BULETIN BIL. 04/2019

15 April 2019



**SEKOLAH KEBANGSAAN MUTIARA
SEKOLAH RENDAH TERBAIK
PERINGKAT NEGERI SELANGOR**

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Puan Suzana binti
Amin

EDITOR

Encik Sopian bin
Ismail

PEREKA GRAFIK

Puan Devi Gopal

JURUGAMBAR

Cik Wong Lin

Sekolah Kebangsaan Mutiara telah dinobatkan sebagai Sekolah Rendah Terbaik Peringkat Negeri Selangor. Sekolah ini terpilih kerana sentiasa bersih, ceria dan warganya menyayangi sekolah.

Selain itu, sekolah ini juga mencatat pencapaian akademik, kokurikulum dan kehadiran yang cemerlang. Guru besar mengucapkan tahniah atas




kejayaan mereka. Warga sekolah berasa bangga dan berjanji akan terus mengekalkan kecemerlangan ini.

- Nyatakan kepentingan kamu menyayangi sekolah dan warga sekolah.
- Jelaskan perasaan kamu jika dapat menjadikan sekolah kamu seperti Sekolah Kebangsaan Mutiara.

NOTA GURU

Bimbing murid menyatakan kesan yang berlaku jika kamu tidak menyayangi sekolah dan warga sekolah.





Pondok Bacaan Sekolah

Baca dan fahami.



Betul, Zaleha. Ini yang menyebabkan saya berasa sangat sayang akan sekolah kita.

Saya berasa selesa dan seronok kerana kawasan sekolah ceria dan bersih.

- Bincangkan cara kamu menyayangi sekolah dan warga sekolah.
- Nyatakan kepentingan mengekalkan keceriaan sekolah.
- Apakah yang akan berlaku sekiranya kamu tidak menyayangi sekolah dan warga sekolah?

NOTA GURU

Galakkan murid menjalankan aktiviti keceriaan di persekitaran sekolah.

7.1
7.2
7.3

PEMULIHAN




Saya Sayang Sekolah

Mari hasilkan.

Alatan dan bahan

Batang aiskrim, gunting, kertas warna, pen dan gam.




1 Tulis maklumat pada batang aiskrim.



3 Tampal kertas segi tiga dan bentuk ikan pada batang aiskrim.



2 Lukis dan gunting bentuk ikan.




4 Pamerkan di dalam kelas.




Saya bersemangat mewakili sekolah.

Saya membalut buku teks.

Saya suka menyanyikan lagu sekolah.

 Nyatakan kepentingan kamu menyayangi sekolah dan warga sekolah.

NOTA GURU

 Bimbing murid menjalankan aktiviti.



Projek Mural Sekolah

Lukis mural di sekolah.

1



Lakar slogan pada dinding.

2



Warnakan slogan dan batang pokok.

3



Celupkan tapak tangan.



Alatan dan bahan
Cat mural, bekas cat, berus cat, pensel dan surat khabar.



4





Capkan tapak tangan.

5




Mural yang telah siap.

 Nyatakan perasaan kamu selepas menyiapkan mural di bangunan sekolah.



NOTA GURU

 Bimbing murid menjalankan aktiviti.



Saya Bangga dengan Sekolah

Tulis tindakan yang menunjukkan kasih sayang terhadap sekolah dan warganya.

Situasi
5

Mewakili sekolah dalam acara sukan.

Murid menconteng meja.

Situasi
1

Situasi
4

Murid memecahkan pasu bunga.

Sambutan Hari Guru di sekolah.

Situasi
2

Situasi
3

Guru sedang mengangkat buku yang banyak.

Situasi	Tindakan	Kepentingan
Situasi 1	Menegur mereka supaya tidak berbuat demikian.	Menjaga harta benda sekolah.
Situasi 2		
Situasi 3		
Situasi 4		
Situasi 5		

➤ Ramalkan kesan yang akan berlaku jika kamu membiarkan situasi di atas tanpa sebarang tindakan.



NOTA GURU

➤ Bimbing murid menjalankan aktiviti dalam kumpulan.



Sekolahku Sayang

Mari hasilkan.

Alatan dan bahan
Kertas warna, gunting, pensel dan pen warna.



1



Lipat kertas warna kepada dua bahagian yang sama saiz dan lakarkan tapak tangan.

2



Gunting lakaran tapak tangan supaya tidak terputus.

3



Tuliskan amalan kasih sayang di bahagian atas dan kepentingannya di bahagian bawah.

4




Hias dan pameran di dalam kelas.

- ▀ Nyatakan cara kamu menyayangi sekolah dan warga sekolah.
- ▀ Nyatakan kepentingan kamu menyayangi sekolah dan warganya.

NOTA GURU

- ▀ Bimbing murid menjalankan aktiviti ini.
- ▀ Bimbing murid menyatakan perasaan apabila menyayangi sekolah dan warga sekolah.





Uji Minda

Bulatkan jawapan kamu dengan menggunakan skala berikut:

1: Tidak pernah

2: Kadang-kadang

3: Selalu

Bil.	Penyataan	Jawapan		
1.	Saya bersemangat semasa menyanyikan lagu sekolah.	1	2	3
2.	Saya memastikan sekolah berada dalam keadaan bersih.	1	2	3
3.	Saya suka pergi ke sekolah.	1	2	3
4.	Saya akan menjaga imej sekolah dengan menyertai pertandingan.	1	2	3
5.	Saya mendengar nasihat warga sekolah.	1	2	3
6.	Saya menggunakan harta benda sekolah dengan baik.	1	2	3
7.	Saya membuang sampah ke dalam tong sampah.	1	2	3
	Skor			
	Jumlah Skor			

Skor	Penilaian
7-13	Kamu patut meningkatkan sikap kasih sayang terhadap sekolah dan warga sekolah.
14-21	Tahniah, kamu seorang murid yang menyayangi sekolah dan warga sekolah.

Fahami gambar di bawah.

Sekolah Kebangsaan Telok Perwira telah mengadakan sambutan Bulan Kemerdekaan di dewan sekolah. Semua warga sekolah telah hadir untuk meraikan sambutan tersebut. Beberapa orang murid ditugaskan untuk mengedarkan *Jalur Gemilang* kepada warga sekolah.



- Nyatakan contoh sikap adil dalam situasi di atas.
- Nyatakan kepentingan sikap adil dalam kalangan warga sekolah.

NOTA GURU

8.1
8.2
8.4

- Bimbing murid memahami gambar dan menjawab soalan.
- Minta murid menyatakan perasaan setelah bersikap adil.



Aaron yang Adil

Fahami gambar.

Aaron bersikap adil terhadap guru-guru dan rakan-rakannya. Semua guru dan rakannya sayang akan Aaron. Oleh itu, Aaron sentiasa berasa gembira di sekolah.




Saya berasa bangga bersikap adil di sekolah.



Pada Hari Gotong-royong Perdana, Aaron mengagihkan air mineral secara sama rata kepada warga sekolah.

Aaron melaporkan kepada guru disiplin tentang salah laku murid termasuk rakan baiknya.



Aaron memberikan hadiah kepada semua guru yang mengajarnya sempena Hari Guru.

- ▀ Nyatakan cara lain kamu bersikap adil di sekolah.
- ▀ Ceritakan pengalaman kamu bersikap adil terhadap warga sekolah.


NOTA GURU

▀ Bimbing murid memahami gambar.



Adil Mengeratkan Hubungan

Fahami gambar bersiri.



Erwin memberikan tugas yang sama rata kepada semua murid Tahun 3 Hijau untuk menceriakan bilik darjah.



Pada Hari Anugerah Cemerlang, Tahun 3 Hijau telah diumumkan sebagai pemenang Kelas Terbersih.



Erwin membahagikan hadiah secara sama rata kepada rakan sekelasnya.



Erwin berasa gembira dan guru kelas Tahun 3 Hijau berasa bangga dengan sikap Erwin.

- Pada pandangan kamu, adakah tindakan Erwin terhadap rakan-rakannya adil? Berikan alasan.
- Nyatakan perasaan kamu setelah bersikap adil di sekolah.



NOTA GURU

Bimbing murid memahami cerita bersiri dan menjawab soalan.



Sampul Surat Adil

Lakukan aktiviti yang berikut.



Alatan dan bahan

Pensel, sampul surat dan jadual jawapan.



JADUAL JAWAPAN			
Cara	Kepentingan	Akibat tidak adil	Perasaan

Cara menjalankan aktiviti:

1. Murid-murid membentuk kumpulan.
2. Guru mengedarkan empat keping sampul surat kepada setiap kumpulan.
3. Murid-murid membentuk perkataan dan menulis pada jadual jawapan.
4. Kumpulan yang berjaya melengkapkan jadual jawapan dengan betul dianggap sebagai pemenang.

Sampul 1:

Cara bersikap adil.

sak	ma	sa
im	se	bang

Sampul 2:

Kepentingan bersikap adil.

nang	te
mo	har ni

Sampul 3:

Akibat tidak bersikap adil.

duh	ber	ga
sah	ge	li

Sampul 4:

Perasaan bersikap adil.

ga	bang
bi	gem ra

JADUAL JAWAPAN

Cara	Kepentingan	Akibat tidak adil	Perasaan

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti ini.
- Sediakan perkataan tambahan yang berkaitan dengan nilai adil jika perlu.





Singa yang Adil





Alatan dan bahan
Gunting dan gam.






Isi tempat kosong berdasarkan pilihan jawapan.

1. Murid yang bersikap adil tidak akan bersifat _____ sebelah.
2. Saya patut bersikap _____ dalam setiap tindakan terhadap rakan sekelas.
3. Saya berasa _____ apabila mengamalkan sikap adil di sekolah.
4. Bersikap adil sesama warga sekolah boleh mewujudkan suasana _____.
5. Saya patut bersikap adil semasa membuat _____ terhadap warga sekolah.



NOTA GURU

-  Perbanyak halaman ini.
-  Bimbing murid menjalankan aktiviti.
-  Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.




Adil kepada Semua

Bincang dan bantangkan.

Cara menjalankan aktiviti:

1. Murid-murid membentuk kumpulan.
2. Fikirkan jawapan dan kongsi dengan salah seorang rakan kamu.
3. Bantangkan jawapan kamu.




Situasi 1

Kamu telah memotong barisan semasa membeli alat tulis di kedai koperasi sekolah.

Adakah tindakan itu adil?

Alasan:



Situasi 2

Dua orang rakan kamu ingin ke bilik guru. Sebagai ketua kelas, kamu hanya membenarkan rakan baik kamu sahaja yang keluar.

Adakah tindakan itu adil?

Alasan:

➡ Pernahkah kamu mengalami situasi seperti di atas? Ceritakan.

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Think Pair Share*).
- Bimbing murid menceritakan pengalaman bersikap adil terhadap warga sekolah.



Pantun Adil

Lengkapkan pantun. Gunting dan tampalkan jawapan yang betul.

puas hati

dihormati

sama banyak

sama rata

aman damai


bahagia

Sang Kancil melintas titi,
Dijerat orang di tanah curam;
Orang adil akan _____,
Hati riang hidup tenteram.




Beli beras di pinggir kota,
Bersama teman naik pedati;
Membahagi tugas _____,
Supaya kawan senang hati.

Budak-budak pergi sekolah,
Riang ria memakan cermai;
Hidup tidak berat sebelah,
Rasa ceria _____.

Buah pulasan dipetik bersama,
Pohon cemara berdahan mati;
Buat keputusan biar saksama,
Semua gembira _____.

 Nyatakan perasaan kamu setelah bersikap adil dengan rakan sekolah.

NOTA GURU

-  Bimbing murid menjawab soalan.
-  Perbanyak halaman ini.
-  Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.





Pilih jawapan yang betul.

Situasi

Tindakan adil



- A Memberikan kad ucapan kepada semua guru.
- B Memberikan kad ucapan kepada guru kelas sahaja.



- A Menuduh rakan mengoyakkan buku tulis.
- B Tidak menuduh rakan tanpa usul periksa.



- A Membahagikan tugas memadam kepada yang tinggi.
- B Meminta rakan yang rendah memadam papan tulis.



- A Memberikan gula-gula yang banyak kepada rakan baik sahaja.
- B Membahagi gula-gula secara sama rata kepada dua orang rakan.




Pencapaian Kokurikulum Sekolah

Melvin murid Tahun 3 Bestari. Dia menjadi johan pertandingan catur peringkat daerah. Walaupun pertama kali menyertai pertandingan ini, Melvin tetap memberanikan diri. Menurut Melvin, dia mempelajari teknik bermain catur melalui video, Internet dan tunjuk ajar daripada guru. Melvin berani menghadapi cabaran untuk menaikkan nama sekolah. Dia berasa sungguh gembira kerana sikap beraninya telah membawa kejayaan kepada sekolah.



- Apakah cabaran yang dihadapi oleh Melvin di sekolah?
- Jelaskan kepentingan bersikap berani menghadapi cabaran di sekolah.



NOTA GURU

Bimbing murid memahami teks dan menjawab soalan.



Berani Kerana Benar

Baca dan fahami cerita.

1



Serahkan duit kamu!

Jangan laporkan kepada cikgu!

Faiz ternampak rakannya, Kok Teng sedang dibuli oleh dua orang murid Tahun 5.

2



Faiz melaporkan kes buli itu kepada guru bertugas.

3



Maafkan kami, cikgu.

Guru memberikan amaran kepada murid yang membuli itu.

4



Syabas, Faiz! Kamu seorang yang berani.

Faiz berasa gembira kerana berani melaporkan kejadian buli kepada guru.

✏️ Nyatakan sikap berani Faiz menghadapi cabaran di sekolah. Jika kamu Kok Teng, bagaimanakah kamu mengatasi situasi ini ?

NOTA GURU

- ✏️ Bimbing murid menyatakan kepentingan berani menghadapi cabaran dalam situasi sebegini.
- ✏️ Minta murid melakonkan tindakan berani yang ditunjukkan oleh Faiz.







Berani Hadapi Cabaran

Baca dan fahami peta minda.

Cabaran di Sekolah



- Ceritakan pengalaman kamu menghadapi cabaran di sekolah.
- Pada pendapat kamu, apakah yang akan berlaku jika murid-murid tidak mengamalkan sikap berani?



q.1
q.2
q.4
q.5

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peta minda.
- Minta murid menyatakan perasaan apabila dapat menghadapi cabaran di sekolah.



Permainan Kota Berani

Fahami situasi dan jalankan aktiviti.

Cara bermain:

1. Guru membacakan situasi.
2. Murid membentuk kumpulan.
3. Guru membacakan soalan.
4. Ahli kumpulan masuk ke dalam petak jawapan yang betul.
5. Kumpulan yang berjaya menjawab semua soalan dengan betul dianggap pemenang.

Situasi

Lee Keat memasuki pertandingan melukis poster. Dia hendak mencari contoh poster tetapi menghadapi kesukaran untuk melayari Internet. Di sekolah pula, murid-murid tidak dibenarkan menggunakan komputer tanpa kebenaran guru.



Soalan:



1. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Lee Keat?
2. Bagaimanakah Lee Keat menghadapinya?
3. Mengapakah Lee Keat perlu menghadapi cabaran ini?
4. Apakah yang akan berlaku jika Lee Keat tidak berani menghadapi cabaran?
5. Sekiranya kamu Lee Keat, apakah perasaan kamu setelah berjaya menghadapi cabaran?

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan permainan ini di dalam atau di luar kelas.
- Sediakan Kota Berani mengikut bilangan kumpulan.
- Sediakan situasi dan soalan lain jika perlu.

PEMULIHAN



Murid Berani Sekolah Harmoni

Mari menyanyi.

Kami murid yang berani
Dengan tabah hadapi cabaran
Berani, berani tetaplah berani
Kami jaga nama sekolah


Semasa guru mengajar
Berani untuk bertanya
Semangat di hati, wakili sekolah
Kalau yakin, pasti berjaya

Mari kita seluruh warga sekolah
Dengan berani hadapi cabaran

Berani!

Kalau kami juara, kami rasa bangga
Kami berani, sekolah harmoni

Berani! Berani! Berani! Berani!






Isi tempat kosong berdasarkan seni kata lagu.


1. Kita perlu _____ hadapi cabaran.
2. Kalau yakin, _____.
3. Kalau kami juara, kami rasa _____.

IMBAS SAYA



NOTA GURU

-  Bimbing murid menyanyikan lagu mengikut rentak lagu *Tanggal 31*.
-  Bimbing murid menjawab soalan.
-  Galakkan murid untuk menyanyikan lagu ini semasa majlis di sekolah.





Hadapi Cabaran dengan Tabah

Fahami cerita dan lakukan aktiviti.

Sivanesh belajar di Sekolah Kebangsaan Seri Prisma. Dia merupakan ketua pengawas sekolah. Dia sentiasa bersikap berani dalam menjalankan tugasnya.

Semasa waktu rehat, pekerja kantin memberitahu Sivanesh bahawa beberapa orang rakannya sering berkumpul di belakang kantin selepas waktu rehat. Sivanesh menegur mereka.

Sivanesh juga melaporkan perkara ini kepada guru disiplin. Sikap beraninya mewujudkan keadaan sekolah yang selesa dan harmoni.

Cara menjalankan aktiviti:

1. Murid membentuk kumpulan.
2. Baca dan fahami cerita.
3. Setiap kumpulan membina soalan tentang sikap keberanian berdasarkan cerita.
4. Pilih seorang murid untuk menjadi "pakar".
5. Murid mengemukakan soalan.
6. "Pakar" menjawab soalan yang diberikan.

Contoh soalan:


Apakah sikap berani yang ditunjukkan oleh Sivanesh?



➤ Adakah kamu berani menegur rakan kamu yang melakukan kesalahan di sekolah? Ceritakan.

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Hot Seat*).
- Bimbing murid menghasilkan soalan berdasarkan cerita.





Semangat untuk Menang

Fahami situasi dan susun tindakan Shanti mengikut keutamaan.

Saya menyahut cabaran rakan saya untuk menyertai pertandingan ini dengan yakin.

Pertandingan BERCERITA BAHASA MELAYU

TAHUN 3

Tarikh: 10 Jun 2019

Tempat: Dewan Sekolah

Anjuran : Panitia Bahasa Melayu

Untuk pertanyaan lanjut sila berjumpa dengan Puan Razita binti Ishak



Bagaimanakah Shanti menghadapi cabaran ni?

1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____

6. _____


- ☛ Memilih cerita yang menarik.
- ☛ Menguasai bahasa Melayu.
- ☛ Mempelajari teknik bercerita daripada Internet.
- ☛ Meminta tunjuk ajar daripada guru.
- ☛ Berlatih setiap hari.
- ☛ Yakin pada diri sendiri.

- ☛ Mengapakah Shanti patut menyertai pertandingan bercerita?
- ☛ Ramalkan kesudahan cerita Shanti.




NOTA GURU

- ☛ Bimbing murid memahami situasi dan jalankan aktiviti ini dalam kumpulan.
- ☛ Bimbing murid melengkapkan jawapan mengikut konsep *Theory of Constraints (TOC)*.



Uji Minda

Lengkapkan teka silang kata.



↑ Menegak

1. Bah Lin berasa _____ apabila berani bertanding dalam temasya sukan sekolah.
2. Niki _____ ajakan rakannya untuk bermain di kafe siber selepas waktu sekolah.
3. Rony _____ mewakili sekolah dalam pertandingan kuiz Bahasa Inggeris.
4. Pei Ling mendapat _____ kerana berani menyahut cabaran gurunya.

→ Melintang

5. Azrul memberanikan diri _____ perbuatan rakannya yang melanggar peraturan.
6. Murid patut _____ dan tabah semasa menghadapi cabaran.
7. Murid wajar menghadapi _____ bagi menjaga nama baik sekolah.

NOTA GURU

Perbanyak halaman ini.

UNIT 10

JUJUR AMALAN WARGA SEKOLAH




Fahami gambar.

Semua murid patut mengamalkan sikap jujur terhadap warga sekolah. Contohnya sikap jujur yang ditunjukkan oleh Sarvesh.



Sarvesh mengakui kesalahannya kerana tidak menyiapkan kerja sekolah.



Sarvesh menolak pemberian sugu hati daripada Sanjana selepas membantu mengajarnya Matematik.



Sarvesh menyerahkan telefon yang dijumpainya di kantin kepada guru.

- Nyatakan kepentingan kamu bersikap jujur di sekolah.
- Jelaskan perasaan kamu apabila bersikap jujur dengan warga sekolah.
- Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya kamu tidak bersikap jujur?



NOTA GURU

Minta murid menceritakan perlakuan jujur yang pernah dilakukan oleh mereka di sekolah.




Sikap Jujur di Sekolah

Fahami dan bincangkan.



Sesiapa yang telah mendorong beg Aiman, sila berjumpa dengan saya di bilik guru.

Guru sedang menyoyal siasat di dalam kelas.



Selamat pagi, cikgu. Maafkan saya. Saya yang mendorong beg Aiman tadi.

Baiklah, cikgu. Saya berjanji tidak akan mengulanginya lagi.

Selamat pagi. Perbuatan kamu itu salah. Kamu boleh dikenakan tindakan disiplin. Harap kamu tidak mengulanginya lagi.

📏 Sekiranya kamu Chee Keong, apakah tindakan kamu? 🧠

NOTA GURU

✏️ Bimbing murid menyatakan perasaan apabila mereka bersikap jujur terhadap warga sekolah.





Amanah dalam Tindakan

Fahami dan laksanakan.

Kumar, Alina dan Pavithra ialah murid Tahun 3 Aktif.



Alina telah meminjam buku cerita daripada Kumar. Setelah selesai membacanya, Pavithra pula ingin meminjam buku tersebut daripada Alina.

Alina tidak membenarkan Pavithra meminjamnya. Alina meminta Pavithra mendapatkan kebenaran daripada Kumar.

Alina memulangkan buku itu kepada Kumar lalu mengucapkan terima kasih. Sebagai tanda berterima kasih, Alina ingin membelanja Kumar makan di kantin. Kumar menolak kerana dia ikhlas meminjamkan buku tersebut.

- Bincangkan kepentingan bersikap jujur dalam situasi di atas.
- Jelaskan perasaan kamu setelah bersikap jujur di sekolah.



NOTA GURU

Bimbing murid melakonkan situasi di atas.



Tabung Kejujuran

Mari hasilkan.

Alatan dan bahan

Gam, kertas warna, pita pelekat, kotak tisu dan pen penanda.



Cikgu Kok Meng telah menyediakan satu Sudut Kedai Jujur di kelasnya. Peralatan yang dijual ialah pensel, pemadam, buku, pembaris dan pengasah pensel. Cikgu Kok Meng telah mengadakan pertandingan menghasilkan tabung untuk kedai jujur tersebut.

1



Balut kotak dengan kertas warna.

2



Sediakan lubang untuk masukkan duit.

3





Hias dan tuliskan perkataan "Tabung Kejujuran".




4



Tabung diletakkan di Sudut Kedai Jujur.

-  Apakah yang bakal berlaku jika terdapat murid yang tidak jujur semasa membeli barang di Sudut Kedai Jujur ini?
-  Nyatakan perasaan apabila guru mempercayai diri kamu.

NOTA GURU

-  Bimbing murid membuat tabung kejujuran secara berkumpulan.
-  Tabung yang memenangi pertandingan diletakkan di Sudut Kedai Jujur.
-  Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.

PEMULIHAN



Saya Bersikap Jujur

Lakukan aktiviti yang berikut.

Alatan dan bahan

Kad kejujuran, alat pancing dan kolam kecil.

Tidak meniru dalam peperiksaan.



Cara menjalankan aktiviti:

1. Murid membentuk kumpulan.
2. Kad kejujuran dimasukkan ke dalam kolam.
3. Ahli kumpulan akan memancing kad kejujuran.
4. Kad kejujuran dengan jawapan yang betul diberikan dua markah. Jika salah, tiada markah diberikan.
5. Setiap kumpulan diberikan masa selama lima minit.
6. Kumpulan yang mendapat markah terbanyak dianggap pemenang.

Kad kejujuran

Tidak meniru dalam peperiksaan.


Tidak mengakui kesalahan selepas memecahkan pasu bunga.

Memulangkan pensel yang dipinjam daripada rakan.

Memulangkan dompet yang dijumpai.

Menggunakan duit yang dijumpai.

- ✏️ Bincangkan kepentingan atau kesan kad kejujuran yang dipancing di dalam kelas.



NOTA GURU

- ✏️ Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- ✏️ Sediakan kad kejujuran tambahan jika perlu.
- ✏️ Guru boleh mengubah suai aktiviti ini mengikut kreativiti.




Jason yang Jujur

Fahami dan lengkapkan peta alir.

Jason ialah murid Tahun 3 Cemerlang. Jason terjumpa dompet berisi wang di kawasan sekolah. Pada masa yang sama, dia memerlukan wang sebanyak RM80 kerana ingin menyertai lawatan ke Melaka.



Peta alir tindakan Jason.



- ▀ Nyatakan kepentingan bersikap jujur di sekolah.
- ▀ Apakah kesan yang berlaku jika Jason tidak memulangkan dompet tersebut?
- ▀ Sekiranya kamu Jason, apakah tindakan kamu?

NOTA GURU

- ✏ Bimbing murid melengkapkan peta alir secara berkumpulan.
- ✏ Minta murid membentangkan hasil perbincangan kumpulan melalui aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Gallery Walk*).



Kejujuran Nazri di Sekolah



Baca dan fahami.

1



2



3



4



- ▀ Lakonkan situasi di atas.
- ▀ Sediakan maklumat tentang sikap kepentingan kejujuran Nazri dalam bentuk peta buih dan bentangkan.

NOTA GURU



- ▀ Bimbing murid menyatakan kepentingan amalan sikap kejujuran di sekolah.
- ▀ Bimbing murid menyatakan perasaan apabila bersikap jujur di sekolah.



A. Pilih tindakan kejujuran yang betul.


1



Minuman Amran tertumpah di atas buku rakannya.

- A. Mengakui kesalahan diri.
- B. Berdiam diri.

2



Adriana meminta bantuan untuk mengangkat meja.

- A. Meminta upah daripada Adriana
- B. Membantu Adriana dengan ikhlas.

3



Joseph ditugaskan mengutip derma untuk membantu rakannya yang ditimpa kemalangan.

- A. Menyerahkan duit derma kepada guru.
- B. Tidak menjalankan tugas yang diamanahkan.

B. Lengkapi contoh sikap jujur kamu.

Cara saya bersikap jujur terhadap:

Rakan

Pekerja
kedai buku



3

Brandon dianugerahi sebagai Tokoh Murid kerana sikap gigih dan dedikasi.

2

Brandon belajar bersungguh-sungguh dan berlatih bermain bola sepak setiap hari.

1

Brandon berazam untuk menjadi murid cemerlang dan pemain bola sepak terbaik. Brandon berusaha tanpa mengenal erti putus asa.

- Nyatakan contoh sikap rajin Brandon.
- Jelaskan kepentingan bersikap rajin di sekolah.
- Ceritakan perasaan kamu setelah bersikap rajin di sekolah.

NOTA GURU

Bimbing murid memahami gambar dan menjawab soalan.





Pengawas Pusat Sumber Sekolah yang Rajin

Fahami temu ramah dan jawab soalan.

Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara telah memenangi Anugerah Pusat Sumber Cemerlang peringkat negeri. Wartawan telah menemu ramah Radin, salah seorang Pengawas Pusat Sumber Cemerlang.



Radin

Tahniah! Apakah perasaan Radin?

Terima kasih. Saya berasa bangga kerana pusat sumber kami ceria.



Wartawan



Apakah rahsia kejayaan pusat sumber ini?

Kami membantu guru menghias pusat sumber, membaik pulih buku yang rosak dan membantu guru di kaunter sirkulasi.



Apakah usaha yang dilakukan supaya pusat sumber kelihatan bersih dan ceria?

Kami sentiasa menyapu, mengelap habuk, menyusun kerusi meja dan menyusun buku di rak setiap hari supaya pusat sumber kami sentiasa ceria.



Terima kasih, Radin.



Sama-sama.





Menyusun buku di rak.



Menyusun kerusi dan meja.



Menyapu lantai.



Membantu guru dalam proses peminjaman dan pemulangan buku.




Membantu guru membaiki pulih bahan yang rosak.

- Apakah yang akan berlaku sekiranya pengawas pusat sumber tidak mengamalkan sikap rajin?
- Bagaimanakah sikap rajin dapat menaikkan nama sekolah? 🧠

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami temu ramah dan menjawab soalan.
- Minta murid menceritakan pengalaman bersikap rajin di sekolah.





Murid Rajin Sekolah Cemerlang

Fahami dan lengkapkan jadual.



Jika kamu rajin

Berjaya dalam permainan bola sepak.

Jika kamu tidak rajin



Tidak cemerlang dalam peperiksaan.



Kelas bersih.

- ✏ Nyatakan contoh sikap rajin di sekolah.
- ✏ Apakah kepentingan bersikap rajin di sekolah?

NOTA GURU

✏ Bimbing murid menjalankan aktiviti ini.





Monopoli Kerajinan

Mari bermain Monopoli Kerajinan. Gunakan kad soalan di bawah untuk halaman 86 dan 87.

menghias bilik darjah

mengulang kaji pelajaran

berdisiplin

semut

bilik darjah bersih

disayangi guru

kelas kotor

lebah

usaha berterusan

sekolah bersih

bangga

rugi

1

Nyatakan satu perasaan bersikap rajin di sekolah.

2

Nyatakan satu kepentingan bersikap rajin di sekolah.

3

Nyatakan satu haiwan yang melambangkan kerajinan.

4

Nyatakan satu perlakuan rajin di sekolah.

5

Nyatakan satu akibat tidak bersikap rajin di dalam bilik darjah.

6

Nyatakan satu ciri sikap rajin.

7

Nyatakan satu haiwan terbang yang melambangkan kerajinan.

8

Sambung ayat berikut: *Orang malas selalu*

9

Nyatakan kesan rajin mengemas bilik darjah.

10

Nyatakan kesan rajin membantu guru di sekolah.

11

Nyatakan kesan rajin menyertai aktiviti kokurikulum.

12

Nyatakan satu cara untuk mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan.



Monopoli Kerajinan

Mari bermain Monopoli Kerajinan.




Alatan dan bahan

Dadu bernombor 1, 2, dan 3, penanda dan kad bintang.



Cara bermain:

1. Bermain secara berkumpulan.
2. Lontar dadu untuk menggerakkan penanda.
3. Pemain perlu menjawab soalan pada petak.
4. Jawapan yang betul akan diberikan kad bintang.
5. Permainan tamat apabila salah seorang pemain sampai di petak TAMAT.
6. Pemain yang berjaya mengumpul skor bintang terbanyak dianggap sebagai pemenang.




8
3 BINTANG

9
3 BINTANG

10
3 BINTANG

11
5 BINTANG



**K
E
R
A
J
I
N
A
N**

3 BINTANG
12

TAMAT

2 BINTANG
3

5 BINTANG
2

1 BINTANG
1

MULA



NOTA GURU

- Bimbing murid bermain Monopoli Kerajinan.
- Perbanyak bintang mengikut kesesuaian bilangan pemain.



Uji Minda

Jawab soalan berdasarkan jadual berikut:



Nama murid	Markah Ujian Pendidikan Moral Penggal 1	Markah Ujian Pendidikan Moral Penggal 2
Swee Lan	55	56
Lily	54	87

- 1 a. Pada pendapat kamu, bagaimanakah Lily mendapat markah yang tinggi?

- b. Berikan cadangan untuk membantu Swee Lan meningkatkan markah ujian Pendidikan Moral.

- 2 Apakah yang akan berlaku jika seorang murid tidak mengamalkan sikap rajin?

- 3 Nyatakan kesan bersikap rajin di sekolah.





Baca dan fahami gambar.

Murid-murid tahun 3 Sekolah Kebangsaan Desa Aman sedang bergotong-royong menceriakan taman sains bersama-sama dengan guru dan pekerja sekolah.

1

Wah, bersihnya kolam ikan ini!

2

Ivan, tolong pak cik susun pasu bunga ini.

5

Saya berasa seronok apabila dapat bekerjasama dengan warga sekolah.

3

Kita dapat menjimatkan masa dan tenaga apabila melakukan kerja bersama-sama.

4

Selain itu, kita juga dapat mengeratkan hubungan antara warga sekolah.

- Nyatakan contoh aktiviti lain yang dapat dilakukan bersama-sama warga sekolah.
- Ceritakan pengalaman kamu melakukan aktiviti bersama-sama warga sekolah.

12.1
12.2
12.3
12.5

NOTA GURU

Bimbing murid memahami gambar.



Kerjasama Membawa Berkat

Baca dan fahami gambar.

Albert dan rakan-rakannya menyertai Projek Jalur Gemilang bersama-sama dengan warga sekolah. Sikap bekerjasama Albert dengan warga sekolah dapat menjimatkan masa dan tenaga bagi menjayakan projek ini.




Albert dan rakan-rakannya mengumpulkan bekas telur dengan kerjasama warga sekolah.



Albert dan rakan-rakannya mewarnakan bekas telur.


- Apakah aktiviti bekerjasama yang dilakukan oleh Albert dengan warga sekolah?
- Sikap bekerjasama dapat meringankan beban kerja sesama warga sekolah. Bincangkan kepentingannya.

3




Albert dan rakan-rakannya menampal bekas telur di atas papan dengan kerjasama guru.

4



Guru dan pekerja sekolah mendirikan *Jalur Gemilang*.

5



Albert berasa bangga kerana dapat menjayakan program ini bersama-sama dengan warga sekolah.

NOTA GURU

12.1
12.2
12.3

- Bimbing murid memahami gambar dan menjawab soalan.
- Galakkan murid menghasilkan *Jalur Gemilang* daripada pelbagai bahan bersama-sama dengan warga sekolah.



Buah-buahan Potong

Mari hasilkan buah-buahan potong.

Pada hari keusahawanan sekolah, Tahun 3 Cerdik bekerjasama membuat buah-buahan potong untuk dijual. Mari kita membuat buah-buahan potong.

Alatan dan bahan

Lima jenis buah, lidi sate dan pinggan.



1



Buah-buahan yang siap dipotong.

2



Cucuk buah pada lidi sate.

3



Buah-buahan potong yang telah siap.

✏ Mengapakah kamu perlu bekerjasama dalam aktiviti di atas?

NOTA GURU

- ✏ Bimbing murid menghasilkan buah-buahan potong mengikut kreativiti masing-masing.
- ✏ Jaga keselamatan murid semasa melakukan aktiviti ini.
- ✏ Galakkan murid menjual buah-buahan potong pada hari keusahawanan di sekolah.



Berjaya Bersama

Mari lakukan aktiviti.

Cara melakukan aktiviti:

1. Murid membentuk dua kumpulan.
2. Tunjukkan slogan kepada murid pertama.
3. Murid pertama membisikkan slogan kepada murid kedua dan seterusnya.
4. Murid yang terakhir lari ke hadapan dan menulis slogan di papan putih.
5. Kumpulan yang berjaya menulis lebih banyak slogan dengan betul dalam masa 10 minit dianggap sebagai pemenang.

Selasa

8 Oktober


Contoh slogan:

- Kerjasama Membawa Berkat
- Kerjasama Amalan Kita
- Kerjasama Mengeratkan Hubungan
- Sikap Bekerjasama Jadikan Budaya

- ▶ Mengapakah kamu patut bekerjasama dalam aktiviti ini?
- ▶ Apakah perasaan kamu apabila berjaya melaksanakan aktiviti ini bersama-sama dengan rakan?

NOTA GURU

- ▶ Bimbing murid menjalankan aktiviti.
- ▶ Guru menyediakan slogan mengikut bilangan kumpulan dan kreativiti masing-masing.





Permainan Menara Kerjasama

Mari bermain.

Cara bermain:

1. Murid membentuk kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan kad kerja yang berlainan warna.
3. Jawab soalan di setiap stesen mengikut warna kad yang sama.
4. Kumpulan yang berjaya menjawab soalan akan mengambil bahan dan bergerak ke stesen seterusnya.
5. Kumpulan yang gagal menjawab soalan tidak mendapat bahan tetapi boleh bergerak ke stesen seterusnya.
6. Di Stesen Kerjasama, gunakan alat dan bahan yang diambil bagi menghasilkan menara.
7. Kumpulan yang berjaya menghasilkan menara tertinggi dianggap pemenang.

Alatan dan bahan

Botol minuman, straw, kotak kasut, surat khabar, gunting, gam dan pita pelekat.



Kad Kerja

STESEN 1

Nyatakan tiga aktiviti yang dilakukan bersama-sama dengan warga sekolah.

*Sila bergerak ke Stesen 2.

STESEN 2

Mengapakah kita perlu bekerjasama dengan warga sekolah?

*Sila bergerak ke Stesen 3.

STESEN 3

Apakah perasaan kamu apabila kamu melakukan kerja bersama-sama dengan rakan di sekolah?

*Sila bergerak ke Stesen 4.

STESEN 4

Nyatakan satu pengalaman kamu bekerjasama dengan guru di sekolah.

*Sila bergerak ke Stesen 1.




STESEN KERJASAMA

- Apakah yang akan berlaku jika seorang kawan kamu tidak bekerjasama dalam kumpulan?
- Kerja yang sukar menjadi mudah apabila bekerjasama dengan warga sekolah. Bincangkan.

NOTA GURU

- Sediakan alatan dan bahan di stesen 1 hingga 4 mengikut bilangan kumpulan.
- Hasilkan kad kerja yang lain mengikut bilangan kumpulan dan stesen.
- Jaga keselamatan murid semasa melakukan aktiviti ini.





A. Jawab soalan berdasarkan situasi.




1. Apakah aktiviti kerjasama dalam gambar di atas?

2. Mengapakah kamu patut bekerjasama dalam situasi di atas?

3. Mengapakah peribahasa "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" perlu diamalkan dalam kalangan warga sekolah?

B. Lengkapkan peta bulatan di bawah.





Bais ialah pelajar Tahun 3 Adil di Sekolah Kebangsaan Bestari. Dia telah menjadi johan dalam pertandingan kuiz Matematik peringkat kebangsaan. Bais tidak pernah sombong dan bercakap besar di hadapan rakan-rakannya tentang kejayaan tersebut.

Dia seorang murid yang sangat sopan dan sentiasa menjaga tutur kata apabila bercakap dengan guru. Dia mempunyai ramai kawan dan selalu membantu rakan-rakannya yang lain dalam mata pelajaran Matematik. Dia juga disukai oleh semua guru.

Sebelum pergi ke kantin, dia dan rakan-rakannya akan menutup suis elektrik untuk mengelakkan pembaziran. Di kantin, Bais akan membeli makanan mengikut keperluan dan menyimpan baki wang sakunya.



- Nyatakan cara kamu mengamalkan sikap kesederhanaan di sekolah.
- Bincangkan kebaikan mengamalkan sikap kesederhanaan di sekolah.



NOTA GURU

Bimbing murid menyatakan perasaan apabila bersikap sederhana di sekolah.



Hari Kanak-Kanak

Fahami gambar.

Mengapakah kamu mengambil makanan sedikit sahaja, Salina?

Mengapakah kamu membazirkan air minuman?

Saya tidak suka membazir, Jasmeen.

Mengapakah kamu menjerit, Haikal?

Maafkan saya, Rizo. Saya akan sentiasa mengawal tingkah laku saya.

Sham, kamu tidak patut mengambil tisu dengan banyak.

Baiklah, cikgu.

- Nyatakan sikap kesederhanaan kamu di sekolah.
- Ceritakan pengalaman kamu mengamalkan sikap kesederhanaan di sekolah.

NOTA GURU

➤ Bimbing murid menyatakan cara bersikap sederhana di sekolah.

13.1
13.2
13.5



Gegantung Kesederhanaan


Mari hasilkan.

Alatan dan bahan
Tali pengikat, kertas warna, pen warna, gunting, gam dan penebuk lubang.



Cara menjalankan aktiviti:

1. Murid membentuk kumpulan.
2. Gunting kertas warna mengikut kreativiti masing-masing.
3. Tulis cara, kebaikan dan perasaan tentang kesederhanaan pada kertas warna yang telah digunting.
4. Tebuk kertas dan ikat dengan tali pengikat.



NOTA GURU

- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti.
- Pamerkan hasil kerja murid di Sudut Pendidikan Moral.
- Bimbing murid menyatakan perasaan apabila bersikap sederhana di sekolah.



Sederhana Membawa Kejayaan

Mari bermain.

Cara bermain:

1. Murid membentuk kumpulan.
2. Setiap petak dinomborkan dari 1 hingga 8.
3. Murid melontar penanda ke arah petak.
4. Guru menanyakan soalan mengikut nombor petak.
5. Murid yang dapat menjawab soalan boleh melompat, mengambil penanda dan diberikan dua markah.
6. Jika tidak dapat menjawab, murid masih boleh melompat dan hanya diberikan satu markah.
7. Kumpulan yang mengumpul markah terbanyak dianggap pemenang.



Contoh soalan:

- Mengapakah kamu patut menutup suis kipas sebelum keluar dari kelas?
- Apakah perasaan kamu jika dapat menabung lebih daripada wang saku sekolah?
- Apakah tindakan kamu jika ternampak kawan kamu membiarkan paip air terbuka selepas digunakan?



NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti.
- Sediakan soalan tambahan mengikut bilangan petak.





Amalan Kesederhanaan dalam Perlakuan

Lengkapkan dialog berdasarkan situasi dan lakonkan.

Situasi 1

Shu Hui: Reetha, mari kita pergi ke kedai buku. Saya ingin membeli pensel baharu.

Reetha: Bukankah kamu baru membeli pensel semalam?

Shu Hui: Ya, tetapi saya ingin membeli pensel yang lebih cantik.

Reetha: _____

Shu Hui: Baik, Reetha. Saya akan menyimpan wang tersebut. Terima kasih atas teguran kamu.

Bina dialog berdasarkan gambar dan lakonkan.

Situasi 2

Murid-murid keluar kelas tanpa menutup suis elektrik.



 Bincangkan cara kamu bersikap sederhana di sekolah.

NOTA GURU

 Bimbing murid menyatakan kebaikan bersikap sederhana di sekolah.



Kebaikan Bersikap Sederhana di Sekolah

Fahami dan lengkapkan.

Terima kasih kepada pengerusi majlis. Pada pagi ini, saya akan menyampaikan pidato yang bertajuk, "Sikap dan Amalan Bersederhana yang Perlu Dipraktikkan di Sekolah".

Banyak kebaikan yang kita peroleh jika kita mengamalkan sikap kesederhanaan di sekolah. Contohnya, kita dapat menjimatkan kos perbelanjaan di sekolah sekiranya kita menggunakan air dan elektrik secara berhemah.

Para hadirin sekalian,

Amalan bersederhana juga merupakan satu amalan yang baik kerana melalui amalan ini kita boleh mendapat ramai rakan. Apabila kita mengamalkan tutur kata yang sederhana, kita dapat menjaga hati rakan dan membentuk peribadi yang mulia.

Saya mengakhiri pidato saya ini dengan serangkap pantun,

Pergi ke sungai memasang pukat,
Pulanginya lewat di hujung petang;
Jikalau sentiasa berjimat cermat,
Hidup terjamin tanpa hutang.

Sekian pidato saya, terima kasih.



Berdasarkan teks pidato di atas, senaraikan isi-isi yang berkaitan dengan sikap kesederhanaan.

Amalan kesederhanaan di sekolah :

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____
- 4 _____

Kebaikan bersikap sederhana.

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____
- 4 _____



NOTA GURU

- Bimbing murid melengkapkan jadual di atas.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (Round Table).



A. Padankan dengan jawapan yang betul.

Menutup suis elektrik.

Menjaga keselamatan diri.

Tidak melakukan aksi bahaya.

Menjaga kesihatan diri.

Menjaga tutur kata semasa bercakap.

Mengelakkan pembaziran.

Tidak bercakap besar dan menunjuk-nunjuk.

Mendapat ramai rakan.

Makan dengan sederhana.

Dapat mengeratkan hubungan dengan rakan.

B. Berdasarkan rangkai kata, tulis karangan tentang amalan kesederhanaan di sekolah.

Samsul – tahun 3 – menjaga tutur kata – warga sekolah – tidak bangga diri – terkenal – olahragawan negeri – masih berkawan – amalkan sikap kesederhanaan.

Murid-murid Sekolah Kebangsaan Utama Ria masuk ke dewan sekolah untuk mendengar ceramah tentang penjagaan gigi.



- Nyatakan ciri toleransi yang diamalkan oleh Raymond dan Pei Yee.
- Pada pendapat kamu, mengapakah Hanafi dan Devan perlu bertoleransi?
- Apakah perasaan kamu apabila bersikap toleransi sesama warga sekolah?



NOTA GURU

Bimbing murid memahami dialog dan menjawab soalan.



Sikap Toleransi Amalan Warga Sekolah

Baca dan fahami catatan diari Sudeep Singh.

11 Oktober

10:30 pagi.

Di bilik muzik, saya sedang bermain gamelan. Rashid hendak berlatih gamelan untuk persembahan hari anugerah. Saya memberikan laluan kepada Rashid. Saya pula bermain alat muzik yang lain. Saya berasa gembira kerana dapat bertolak ansur dengan rakan.



11 Oktober

11:00 pagi.

Saya hendak ke bilik guru untuk berjumpa guru kelas manakala Praveena hendak ke bilik air kerana sakit perut. Pas keluar cuma ada satu sahaja. Saya memberikan pas keluar kepada Praveena. Praveena berasa bangga atas sikap bertolak ansur saya.



12 Oktober

10:00 pagi.

Pada waktu rehat Chang terlanggar saya. Bungkusan nasi lemak saya terjatuh. Chang meminta maaf. Saya bersabar dan tidak memarahinya kerana dia tidak sengaja.



12 Oktober

1:30 tengah hari.

Dua orang murid tahun 4 memanggil saya Si Merah kerana botol air dan beg saya berwarna merah. Saya berasa marah tetapi saya mengawal diri supaya tidak bergaduh.



- ▶ Berdasarkan catatan diari di atas, nyatakan contoh sikap toleransi Sudeep Singh sesama warga sekolah.
- ▶ Mengapakah kamu patut bersikap toleransi sesama warga sekolah? Bincangkan.



NOTA GURU

- ▶ Bimbing murid memahami catatan diari.
- ▶ Bimbing murid membuat simulasi sikap bertoleransi berdasarkan diari.




Permainan Teka Jawapan

Mari bermain.

Cara bermain:

1. Murid membentuk kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan Peti Toleransi dan Carta Teka.
3. Pilih huruf daripada Peti Toleransi dan lengkapkan Carta Teka.
4. Kumpulan yang berjaya mencari semua ciri toleransi dengan betul dianggap pemenang.



Ceritakan pengalaman kamu bertoleransi di sekolah.

NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Sediakan Peti Toleransi dan Carta Teka mengikut kreativiti masing-masing.
- Minta murid melengkapkan peta buih dan tampalkan dalam buku tulis.



Bertolak Ansur, Hidup Selesa

Lengkapkan dialog yang menunjukkan sikap toleransi.



Kamu memotong barisan semasa membeli makanan.

Maafkan saya. Saya perlu _____.



Su Ting hendak meminjam buku yang sama untuk membuat folio sains.


Kamu pinjam dulu. Saya akan _____.



Tukang kebun sekolah menegur kamu supaya tidak memetik bunga.

Saya patut _____.

➤ Apakah perasaan kamu setelah bersikap toleransi dalam situasi di atas?



NOTA GURU

- Bimbing murid melengkapkan dialog.
- Bimbing murid lakonkan tindakan toleransi dalam setiap situasi di atas.



Amalkan Sikap Toleransi

Fahami situasi.

Murid-murid Tahun 3 Gemilang Sekolah Kebangsaan Aman Puri berada di dalam perpustakaan bergerak.



Azari menolak Fiona semasa hendak menaiki perpustakaan bergerak.



Jesrina menunggu giliran terlalu lama untuk menggunakan komputer.





Murid tahun satu tidak dapat memilih buku cerita.





Sing menunggu giliran terlalu lama di kaunter pinjaman.

➤ Berdasarkan situasi:

- a. Bincangkan tindakan toleransi yang patut diamalkan.
- b. Mengapakah perlu mengamalkan sikap bertoleransi?

 **NOTA GURU**

-  Bimbing murid memahami situasi dan menjalankan aktiviti secara berkumpulan.
-  Bimbing murid membentangkan hasil perbincangan mereka.





Kesabaran Membawa Kebahagiaan

Baca dan ramalkan sikap Kevin.

Murid-murid, sila hantar buku latihan Pendidikan Moral sekarang. Rajiv sila kumpulkan semua buku.

1 Kesabaran Membawa Kebahagiaan

2

3 Kevin, kenapa kamu tidak menghantar buku?

4

5

Cikgu, semua murid telah menghantar buku, kecuali Kevin.

Saya sudah menghantar buku cikgu.

Maaf cikgu, saya tercir buku Kevin. Saya terjumpa di bawah meja.

Ramalkan sikap Kevin kepada Rajiv.

➦ Mengapakah kamu patut bertoleransi terhadap guru dan rakan? Bincangkan.

NOTA GURU

Bimbing murid menjalankan aktiviti.



Uji Minda

Tandakan (✓) pada perlakuan yang menunjukkan toleransi.

		Tandakan	
		YA	TIDAK
1.	Saya tidak memotong barisan semasa beratur untuk membeli makanan di kantin.		
2.	Saya memberikan laluan kepada murid tahun satu semasa menaiki bas.		
3.	Apabila menggunakan komputer, saya tidak akan berkongsi dengan rakan lain.		
4.	Saya bersabar semasa guru menegur kesalahan saya.		
5.	Saya memaafkan rakan yang tersepak kaki saya semasa bermain bola sepak.		
6.	Saya tidak marah kepada pengawas perpustakaan yang meminta saya supaya senyap.		
7.	Saya berasa marah apabila guru menegur kesalahan saya.		
8.	Saya sabar dan mengawal diri terhadap rakan yang terambil buku saya secara tidak sengaja.		
9.	Saya akur apabila cadangan saya tidak diterima oleh rakan.		
10.	Apabila murid lain mengejek saya, saya akan mengawal diri dan memberitahu kepada guru.		

Jumlah skor "Ya":

8-10	Tahniah kamu seorang yang mengamalkan sikap toleransi.
4-7	Baik, kamu patut meningkatkan amalan bersikap toleransi.
1-3	Kamu patut berusaha untuk mengamalkan sikap bertoleransi.



Jawab soalan berdasarkan situasi.

Jian dan Mei Lan sedang berbincang tentang menu yang sesuai untuk projek Pendidikan Kesihatan mereka.

Mei Lan, kita sediakan sandwich sardin dan jus oren.

Boleh, tetapi saya alah dengan sardin.

Kalau begitu, kita buat sandwich sardin dan sandwich telur.

Terima kasih Jian, sebab bertolak ansur dengan saya.

1. Apakah tindakan toleransi Jian terhadap rakan sekelasnya?

2. Tuliskan pengalaman kamu bersikap toleransi sesama warga sekolah.
